



SIARAN MEDIA

PROGRAM SAMBUTAN PINK OKTOBER: BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA LPPKN 2024

BUKIT MERTAJAM, 26 OKT. – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terus membantu kaum wanita memerangi gejala kanser payudara melalui Program Subsidi Ujian Mamogram dan Kempen Kesedaran sempena Oktober Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2024.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat ketika merasmikan Program **Pink October** sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2024 anjuran LPPKN yang berlangsung di Mydin Mall, Bukit Mertajam Pulau Pinang turut menyeru para wanita agar lebih peka dan sedar tentang kepentingan menjaga kesihatan terutamanya berkaitan kesihatan payudara.

Sepanjang pelaksanaan program ini dari tahun 2007 sehingga 30 September 2024, seramai 525,100 Wanita di seluruh Malaysia telah menjalani ujian Mamogram melalui program subsidi ujian Mamogram LPPKN. Daripada jumlah tersebut seramai **1,042 kes telah disahkan positif kanser payudara**. Di Pulau Pinang pula dari tahun **2007 hingga September 2024**, seramai **50,347 wanita** telah menjalani Ujian ini dan sebanyak **93 kes kanser payudara** telah dikesan. Manakala bagi tahun ini dari Januari sehingga September 2024 sahaja seramai 1,630 wanita telah

menjalani ujian Mamogram, seramai 335 orang dirujuk untuk siasatan lanjut dan 2 kes telah disahkan kanser.

Justeru itu, Datuk Seri Dr. Noraini mengesa kaum wanita supaya sentiasa lebih peka dan sedar bahawa pentingnya menjalani pemeriksaan kesihatan payudara demi kelangsungan dan kesejahteraan sesebuah keluarga. Keperihatinan pihak kerajaan terhadap kesihatan wanita amatlah dihargai dengan memberikan peruntukan untuk saringan kanser payudara pada setiap tahun.

Sebagai makluman, ujian saringan mamogram diberikan secara percuma kepada wanita berkelayakan berumur 40 tahun hingga 70 tahun yang berpendapatan isirumah RM10,000.00 dan ke bawah. Bagi mendapatkan manfaat subsidi ujian mamogram ini, para wanita boleh mendaftar di Klinik Nur Sejahtera LPPKN yang berdekatan di seluruh negara.

Turut hadir pada majlis ini, Yang Berusaha Dr. Mohd Azizuddin Bin Mohd Yussof, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) LPPKN dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 OKTOBER 2024**